**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,
GOVERNMENT AND COMMUNICATION
(IJLGC)**www.ijlgc.com**AMALAN HIBAH SEBAGAI INSTRUMEN PENGAGIHAN ASET
EMAS DI MALAYSIA***THE PRACTICE OF HIBAH AS AN INSTRUMENT FOR GOLD ASSET
DISTRIBUTION IN MALAYSIA*

Rohayati Hussin^{1*}, Nur Aqidah Suhaili², Ahmad Fahmi Adnan³, Ashraf Rohanim Asari⁴, Muhammad Syarifuddin Mohd Jamil⁵

¹ Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA, Kampus Sungai Petani, Kedah, Malaysia
Email: roha427@uitm.edu.my

² Konsultan Penyelia di Principal Asset Management Berhad dan As Salihin Trustee Berhad
Email: aqidahsuhaili80@gmail.com

³ Senior IEP, As Salihin Trustee Berhad
Email: afahmi.pg@gmail.com

⁴ Jabatan Instrumentasi dan Kawalan, Universiti Kuala Lumpur MITEC, 81750 Masai Johor, Malaysia
Email: ashraf@unikl.edu.my

⁵ Public Gold, Empayar G100Network
Email: syarifmohdjamil@gmail.com

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 30.03.2025

Revised date: 20.04.2025

Accepted date: 27.05.2025

Published date: 30.06.2025

To cite this document:

Hussin, R., Suhaili, N. A., Adnan, A. F., Asari, A. R., & Jamil, M. S. M. (2025). Amalan Hibah Sebagai Instrumen Pengagihan Aset Emas Di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication*, 10 (40), 681-699.

DOI: 10.35631/IJLGC.1040047

Abstrak:

Hibah semakin popular digunakan dalam pewarisan harta sebelum faraid. Amalan hibah meskipun sunat dapat membantu mengurangkan konflik pewarisan harta lebih awal dalam kalangan masyarakat kita sebelum menjadi pusaka. Ini kerana seringkali kita mendengar tentang konflik dalam harta pewarisan. Hari ini, potensi harta kekayaan untuk berkembang dengan lebih banyak adalah luas menyebabkan sesetengah daripada masyarakat kita cenderung untuk menukarkan sebahagian kekayaan mereka dalam bentuk emas. Dikhuatiri ini akan menambah polemik pewarisan harta Islam akan lebih kompleks dalam masyarakat kita yang selama ini lebih tertumpu kepada tanah dan hartanah. Kajian ini bertujuan untuk meneroka dan membangunkan pemahaman tentang bagaimana amalan hibah dapat digunakan dalam konteks pengagihan kekayaan emas daripada sudut syariah dan perundangan sedia ada di Malaysia. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan seperti buku, kertas kerja, makalah jurnal, laman sesawang dan penyelidikan terdahulu. Kaedah ini telah membantu mengulas isi ilmu, penemuann dan kaedah sumbangan berkaitan fokus kajian. Berdasarkan hasil kajian, didapati hibah emas boleh digunakan secara bersama dengan hibah yang lain, tanpa mengetepikan kepentingan faraid dan wakaf. Cabaran dalam penggunaan

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)

hibah dalam aset emas adalah dari segi kesanggupan masyarakat untuk menyerahkan pemilikan emas terhadap orang kesayangan lebih awal ataupun menyediakan dokumentasi hibah amanah secara perundangan yang sah semasa hidup tanpa perlu menunggu harta emas mereka menjadi pusaka. Memandangkan kajian ini adalah di peringkat awal, dicadangkan supaya kajian- kajian pada masa akan datang dapat dijalankan secara lebih mendalam melibatkan pengumpulan data di lapangan secara langsung. Ini supaya kajian bukan sahaja untuk dibincangkan secara teoretikal dan emperikal tetapi juga dapat dipraktikkan dengan pemahaman ilmu yang betul dalam masyarakat secara meluas. Diharapkan kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan awal untuk banyak lagi kajian pada masa akan datang tentang penggunaan hibah sebagai instrumen pengagihan kekayaan dalam bentuk emas.

Kata Kunci:

Aset, Emas, Faraid, Hibah, Harta Pusaka

Abstract:

Hibah (inter vivos gift) is increasingly popular as a method of wealth distribution prior to the implementation of faraid (Islamic inheritance law). Although hibah is recommended (sunnah), its practice can help reduce inheritance conflicts within society by facilitating earlier wealth distribution before assets become part of the estate. This is important given the frequent reports of disputes over inheritance. Today, the potential for wealth accumulation has broadened, leading some individuals to convert a portion of their wealth into gold. This trend raises concerns that inheritance issues in Islamic law may become more complex, particularly in a society that traditionally focuses on land and real estate. This study aims to explore and develop an understanding of how hibah can be applied in the distribution of gold assets from both syariah and existing legal perspectives in Malaysia. The study adopts a library research methodology, using sources such as books, papers, journal articles, websites, and past research. This method supports analysis of the relevant knowledge, findings, and contributions related to the study's focus. Findings indicate that gold hibah can be used alongside other forms of hibah, without disregarding the importance of faraid and waqf (Islamic endowment). One key challenge in applying hibah to gold assets lies in the willingness of individuals to transfer ownership of gold to loved ones in advance or to legally prepare valid hibah trust documentation during their lifetime—without waiting for the gold to become part of their estate. As this is an exploratory study, it is recommended that future research should be conducted in more depth, involving direct field data collection. This would allow the study to move beyond theoretical and empirical discussions and become practically applicable, supported by sound knowledge within society. It is hoped that this research serves as an initial guide for future studies on the use of hibah as a wealth distribution instrument in the form of gold.

Keywords:

Assets, Gold, Faraid, Hibah, Inheritance

Pengenalan

Pemahaman tentang bagaimana emas berkorelasi dengan turun naik ekonomi adalah suatu yang penting dalam pengurusan portfolio kekayaan (Raza et al. 2016). Emas adalah aset selamat tradisional yang sejak berzaman telah lama menjadi sebahagian daripada cara masyarakat

umum dalam menyimpan kekayaan (Yaacob, 2009). Populariti menyimpan emas meningkat ketara ketika Covid-19 yang melanda secara global sekitar tahun 2020. Rentetan Covid-19, lebih ramai dalam kalangan masyarakat dunia khususnya para pelabur cenderung melakukan pembelian emas secara besar-besaran sebagai aset yang berisiko rendah (Awan et al. 2021; Mukhuti 2017; Yousaf et al. 2021). Pendekatan menambah simpanan emas semasa dan pasca tahun pemulihan Covid-19 adalah berdasarkan isyarat terhadap situasi ekonomi yang tidak stabil serta kadar faedah yang kekal rendah untuk beberapa ketika, menjadikan emas sebagai pilihan utama untuk melindungi nilai kekayaan.

Mengikut peredaran zaman, hari ini sudah banyak syarikat emas di Malaysia yang menyediakan platform simpanan emas sebagai salah satu cara untuk mendorong pelaburan dalam aset bernilai tinggi seperti emas. Public Gold, salah satu syarikat emas terawal di Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 2008, telah memainkan peranan penting dalam memperkenalkan pelbagai kaedah pelaburan emas kepada masyarakat.

Kaedah Simpanan Emas Yang Populer di Malaysia

Antara kaedah simpanan emas yang popular adalah melalui Gold Accumulation Program (GAP), yang kini semakin diminati oleh pelbagai lapisan masyarakat kerana fleksibiliti dan kemudahan yang ditawarkan. GAP membolehkan individu membeli emas dalam jumlah kecil secara berkala, bermula dengan modal serendah RM100, dan menyimpannya dalam bentuk gram emas digital yang boleh ditukar kepada emas fizikal apabila diperlukan. Kaedah ini membolehkan individu membeli emas dalam bentuk gram tanpa perlu membuat pelaburan sekaligus dalam jumlah besar. GAP menggunakan teknologi atas talian, menjadikan proses ini mudah, pantas, dan boleh diakses oleh sesiapa sahaja yang ingin memulakan pelaburan emas tanpa perlu memiliki pengetahuan mendalam tentang pasaran emas (<https://publicgoldofficial.com/rohayatihussin/gap>).

Konsep GAP sebenarnya mirip dengan akaun bank online yang biasa digunakan oleh masyarakat moden hari ini. Namun, bezanya terletak pada jenis aset yang disimpan. Jika akaun bank memaparkan baki simpanan dalam bentuk nilai mata wang (contohnya Ringgit Malaysia), tetapi GAP memaparkan baki simpanan dalam bentuk gram emas. Ini bermakna setiap kali individu mendepositkan sejumlah wang ke dalam akaun GAP, wang tersebut akan ditukar kepada gram emas mengikut harga pasaran semasa. Melalui cara ini, pemilik akaun GAP sebenarnya sedang menambahkan jumlah emas mereka dalam portfolio pelaburan, bukan sekadar menyimpan wang tunai (<https://publicgoldofficial.com/rohayatihussin/gap>).

Dari segi keselamatan, GAP juga menawarkan perlindungan kepada penyimpan emas kerana emas yang dibeli melalui program ini biasanya disimpan dalam bentuk digital dalam akaun simpanan yang dikelola oleh syarikat emas yang dipercayai. Pelabur tidak perlu risau tentang penyimpanan fizikal emas seperti risiko kecurian atau kerosakan. Bagi mereka yang ingin menukar simpanan emas dalam akaun GAP kepada emas fizikal, kebanyakan syarikat emas seperti Public Gold juga menyediakan pilihan untuk menukarkan gram emas kepada barangan emas fizikal seperti syiling emas (dinar) atau jongkong emas apabila jumlahnya mencapai gram tertentu yang disasarkan oleh penyimpan emas akaun GAP.

Secara keseluruhan, GAP adalah satu inovasi moden yang memudahkan masyarakat Malaysia untuk melabur dalam emas dengan cara yang praktikal, mesra pengguna, dan berpatutan. Ia bukan sahaja memberi peluang kepada individu untuk melindungi nilai kekayaan mereka daripada inflasi dan ketidakstabilan ekonomi, tetapi juga memupuk budaya menabung dan

pelaburan dalam aset bernilai tinggi seperti emas. Dengan kombinasi teknologi dan konsep pelaburan yang mudah difahami, GAP menjadi alat yang semakin relevan dalam perancangan kewangan peribadi di era kewangan digital ini.

Kaedah GAP merupakan satu inovasi yang berasal dari Jepun yang dinamakan Japan Gold Accumulation Plan (JGAP). JGAP diperkenalkan di Jepun pada tahun 1980-an sebagai respon kepada permintaan masyarakat untuk melabur dalam emas dengan cara yang lebih mudah dan berpatutan. Pada masa itu, harga emas sedang meningkat, dan ramai individu ingin mengambil bahagian dalam pasaran emas tanpa perlu membeli emas fizikal dalam jumlah besar (<https://www.lbma.org.uk/alchemist/issue-50/trends-in-the-japanese-precious-metals-market>). Kejayaan JGAP di Jepun telah menginspirasi negara-negara lain, termasuk Malaysia, untuk memperkenalkan program serupa seperti GAP, yang kini digunakan oleh syarikat-syarikat emas seperti Public Gold.


Kaedah seperti GAP ini direka untuk membolehkan semua golongan masyarakat, termasuk mereka yang berpendapatan rendah, bermula dalam pelaburan emas dengan modal yang sangat rendah, iaitu antara RM10 hingga RM100 bergantung kepada syarikat yang menyediakan produk tersebut. Keunikan GAP terletak pada konsepnya yang membolehkan individu mengumpul aset emas secara sedikit demi sedikit melalui pendekatan yang sistematik dan berpatutan. Simpanan emas dalam GAP adalah sepenuhnya bersandarkan kepada emas fizikal, yang memberikan keyakinan kepada penyimpan bahawa pelaburan mereka adalah nyata dan bukan sekadar spekulasi pasaran. Selain itu, akaun GAP yang diperkenalkan oleh Public Gold ini telah mendapat pengesahan patuh syariah pada 29 September 2017 oleh Amanie Advisors iaitu sebuah institusi terkemuka dalam bidang kewangan Islam, yang menambahkan nilai kepercayaan kepada pengguna terutamanya dalam kalangan masyarakat Islam (Muhamad Zuhaili, 2023).

Penyimpan emas dalam Akaun GAP diberi kebebasan untuk menukar simpanan emas mereka kepada emas fizikal pada bila-bila masa sahaja, bergantung kepada jumlah gram yang terkumpul dalam akaun mereka. Fleksibiliti ini menjadikan GAP lebih menarik kerana ia tidak hanya bertindak sebagai alat pelaburan tetapi juga sebagai cara untuk memiliki aset fizikal yang bernilai tinggi. Terkini, selain syarikat-syarikat emas seperti Public Gold yang memperkenalkan GAP, kini terdapat juga syarikat lain seperti KAB Gold yang menawarkan platform serupa dengan nama Uncang Emas. Platform-platform ini menggunakan teknologi moden untuk memudahkan pelanggan menguruskan simpanan emas mereka secara atas talian, menjadikannya lebih mesra pengguna dan mudah diakses.

Selain syarikat emas, beberapa institusi kewangan besar di Malaysia juga turut menawarkan perkhidmatan simpanan akaun emas kepada pelanggan mereka. Antaranya adalah Bank Muamalat, Affin Bank, Maybank Islamic, dan Kuwait Finance House (KFH). Walaupun terdapat banyak pilihan dalam pasaran, penting untuk diperhatikan bahawa tidak semua akaun simpanan emas mendapat pengiktirafan patuh syariah. Ini menjadi isu penting terutamanya bagi pelabur yang ingin memastikan pelaburan mereka selaras dengan prinsip-prinsip Islam (Muhamad Zuhaili, 2023). Oleh itu, rujukan kepada sumber yang dipercayai seperti Amanie Advisors atau maklumat daripada badan-badan pengawalseliaan kewangan Islam adalah langkah penting sebelum membuat keputusan pelaburan.

Dengan adanya pelbagai platform simpanan emas hari ini, masyarakat kini mempunyai lebih banyak pilihan untuk melabur dalam aset emas dengan cara yang sesuai dengan keperluan dan kemampuan kewangan mereka. Namun, pemilihan platform yang betul, terutamanya yang mematuhi prinsip syariah, adalah kritikal untuk memastikan pelaburan dilakukan dengan cara yang selamat, sah, dan membawa faedah jangka panjang. Dengan peningkatan kesedaran tentang kepentingan pelaburan emas, kaedah seperti GAP dan Uncang Emas dijangka akan terus berkembang dan menjadi lebih popular dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Senarai kemaskini syarikat emas yang patuh syariah di Malaysia, seperti yang disenaraikan dalam Gambar Rajah 1. Ini memberikan panduan penting kepada masyarakat untuk memilih pelaburan emas yang selaras dengan prinsip Islam. Oleh itu, masyarakat diharapkan lebih cakna dan berhati-hati dalam membuat keputusan pelaburan, memastikan bahawa produk yang dipilih adalah sah, patuh syariah, dan memberikan manfaat jangka panjang tanpa menjejaskan nilai-nilai agama.

Syarikat	Produk
	Maybank Islamic Gold Account-I (MIGA-i)
	Muamalat Gold-i
	Bank Islam Gold Account (BIGA-i)
	KFH Gold Account-I
	BSN MyGold Account-i
	Affin Emas Account - i
	Uncang Emas
	Akaun SERY
	Gold Accumulation Program (GAP)
	Gold Safe Storage
	GB Gold Store
	Bursa Gold Dinar
	Prime Gold-i
	Gold Invest-I
	Akaun Simpanan Emas
	eGold Account-I
	An-Nur Gold

Gambar Rajah 1: Senarai Kemaskini Syarikat Emas Patuh Syariah

(Facebook Ustaz Lariba, 27 April 2025)

Hibah dan Emas

Emas juga adalah aset yang boleh dihibahkan, dan hubungan antara emas dengan hibah boleh dipanjangkan dalam konteks pengagihan harta kekayaan secara adil dan sistematik. Bagaimanakah sebaiknya hibah ke atas emas hendak dilakukan? Dalam amalan kebiasaan masyarakat kita, emas sering menjadi sebahagian daripada pembahagian harta, baik dilakukan sebelum atau selepas kematian. Namun, pelaksanaan amalan hibah dalam aset emas semasa hayat pemilik harta adalah lebih berkesan untuk mengelakkan konflik warisan dan memastikan pengagihan harta dilakukan dengan cara yang teratur dan bermakna.

Hibah dalam konteks kekayaan emas, jika dilakukan dengan betul, dapat membantu mengurangkan jumlah harta pusaka yang tidak dituntut kerana pemberian tersebut telah disempurnakan semasa hayat pemberi. Ini menyebabkan harta tersebut tidak lagi tertakluk kepada proses pembahagian pusaka selepas kematian (Abdul Rashid & Yaakub, 2010; Kamarudin et al. 2019). Dengan melaksanakan amalan hibah dalam aset emas pada peringkat awal, pemilik harta dapat memastikan bahawa penerima hibah mendapat manfaat sepenuhnya daripada harta tersebut tanpa perlu melalui proses faraid yang kadang-kadang rumit atau menjadi punca pertikaian di kalangan ahli waris.

Walaupun hibah tidak dianggap sebagai prinsip utama dalam sistem kewangan Islam, namun ia terus menjadi topik perbincangan penting sehingga hari ini kerana ia merupakan satu *selling point* kepada produk-produk tertentu yang ditawarkan oleh institusi perbankan Islam. Contohnya, produk seperti akaun simpanan emas atau Gold Accumulation Program (GAP) sering kali diperkenalkan dengan elemen hibah sebagai nilai tambah. Walau bagaimanapun, prosedur untuk melaksanakan hibah, terutamanya dalam konteks akaun emas, masih kurang dijalankan secara sistematik. Ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam memastikan hibah dalam konteks aset emas dilaksanakan mengikut prinsip syariah dan perundangan yang sedia ada. Untuk memastikan hibah dalam konteks aset emas dilakukan dengan cara yang sah dan selamat, beberapa langkah praktikal perlu diambil yang akan dibincangkan lebih lanjut dalam penulisan ini.

Justeru itu, tujuan kajian ini adalah untuk membangunkan pemahaman tentang bagaimana amalan hibah dalam aset emas dapat dilaksanakan dalam konteks pengagihan kekayaan dan bagaimana pengagihan aset emas daripada sudut syariah dan perundangan sedia ada di Malaysia. Namun begitu, kajian mengenai emas dan hibah ini tidak hanya menfokuskan kepada emas simpanan yang disimpan di dalam akaun semata-mata tetapi, juga simpanan emas secara umum termasuk simpanan emas fizikal yang disimpan sendiri dalam pemilikan penyimpanan emas. Diharapkan melalui kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan awal untuk kajian yang lebih meluas pada masa akan datang tentang penggunaan hibah sebagai instrumen pengagihan kekayaan dalam bentuk emas.

Oleh itu, kajian ini dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian pertama bermula dengan pengenalan. Bahagian kedua menfokuskan tentang sorotan literatur. Seterusnya bahagian ketiga menerangkan tentang metodologi kajian. Bahagian keempat pula membincangkan dapatan kajian berdasarkan kaedah yang diterangkan dalam bahagian tiga. Artikel ini diakhiri dengan bahagian lima yang memberi rumusan keseluruhan kajian ini.

Sorotan Literatur

Perbincangan sorotan literatur dibahagikan kepada tiga tema iaitu, emas dan keistimewaannya, konsep dan prinsip hibah dan pensyariaan serta hukum hibah.

Emas dan Keistimewaannya

Emas adalah sesuatu yang cantik dan membuatkan nafsu untuk memilikinya serta dijadikan sebagai harta serta perhiasan. Banyaknya keistimewaan emas dan relevansinya dalam kehidupan manusia juga telah dijelaskan dalam al-Quran, sebagaimana yang disampaikan oleh Allah SWT:

"Dan di antara ahli-ahli kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, dia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepada kamu dan ada pula di antara mereka, yang kalau engkau amanahkan menyimpan hanya satu dinar sahaja pun, dia tidak akan mengembalikannya kepada kamu, kecuali kalau kamu selalu menuntutnya." (Al-'Imran: 75)

Dalam konteks ayat tersebut, emas disebut sebagai mata wang dinar, yang pada zaman itu digunakan sebagai alat tukar utama dalam transaksi harian. Kebolehpercayaan emas sebagai penyimpan nilai yang stabil dapat dilihat dari kekonsistennya hampir sejak zaman Rasulullah SAW hingga saat ini (Nadhirah et al. 2015). Emas tidak hanya menjadi simbol kemakmuran tetapi juga alat penyimpan kekayaan yang tahan terhadap inflasi dan ketidakstabilan ekonomi. Ini kerana nilai emas cenderung kekal stabil walaupun mengalami perubahan dalam pasaran kewangan global.

Selain itu, emas juga mempunyai dimensi rohani yang mendalam dalam Islam. Ia sering dikaitkan dengan amalan ibadah seperti zakat, wakaf, dan sedekah, di mana ia boleh digunakan sebagai medium untuk memenuhi tanggungjawab seseorang terhadap agama dan masyarakat. Dalam konteks moden, emas terus memainkan peranan penting dalam sistem kewangan Islam, terutamanya melalui produk-produk seperti GAP dan akaun simpanan emas yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam (Nadhirah et al. 2015). Produk-produk ini membolehkan individu melabur dalam emas secara beretika dan patuh syariah, menjadikannya sebagai aset pelaburan yang sesuai dengan prinsip Islam.

Keistimewaan emas sebagai penyimpan nilai juga dapat dilihat dalam cara ia digunakan sebagai instrumen lindung nilai terhadap ketidakpastian ekonomi. Dalam situasi krisis kewangan atau ketika nilai mata wang melemah, emas sering menjadi pelarian yang dipercayai oleh pelabur kerana nilainya yang stabil dan kekal relevan sepanjang zaman. Ini menjadikan emas bukan sahaja sebagai aset fizikal tetapi juga sebagai simbol keyakinan dan kestabilan dalam sistem kewangan dunia.

Oleh itu, relevansi emas dalam kehidupan manusia, baik dari segi ekonomi, agama, mahupun sosial, tidak dapat dipandang ringan. Ayat Al-Quran yang menyebut tentang dinar emas menunjukkan bahawa emas bukan sahaja bernilai dari segi material tetapi juga mempunyai makna yang lebih mendalam dalam konteks kepercayaan, tanggungjawab, dan keadilan (Nadhirah et al. 2015)

Emas juga merupakan aset simpanan yang sebenar. Ini boleh dibuktikan kerana, apabila emas disimpan dalam jumlah minima 85 gram (atau setara dengan 20 dinar emas) dalam tempoh setahun, ia sudah diwajibkan zakat ke atasnya. Allah SWT juga sudah memberi peringatan tentang ini dalam Surah At-Taubah ayat 34, di mana firman-Nya menyebut:

"Dan orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka beritahukanlah kepada mereka bahawa mereka akan menghadapi azab yang pedih."

Peringatan ini jelas menunjukkan bahawa sebahagian kekayaan seseorang muslim dalam bentuk emas dan perak wajib dibelanjakan untuk kejalan Allah, samada melalui zakat, sedekah, atau pelbagai cara lain yang diredhai oleh-Nya. Sekiranya gagal untuk melakukan sedemikian, nescaya azab seksa yang tidak terperi menanti. Oleh itu, penyimpanan emas bukan sahaja menjadi tanggungjawab individu dari segi kewangan tetapi juga membawa implikasi rohani yang mendalam.

Secara lazimnya, emas dikenali sebagai mata wang sejak berzaman dahulu lagi. Pelbagai penemuan arkeologi tentang syiling emas membuktikan bahawa emas digunakan dengan sangat meluas dalam proses jual beli. Keistimewaan emas sebagai mata wang adalah kerana nilainya yang stabil dan diiktiraf secara universal. Ia tidak hanya menjadi alat tukar tetapi juga simbol kemakmuran dan kepercayaan dalam sistem ekonomi tradisional.

Dalam satu riwayat dari Syahib bin Garqadah, dia mengatakan: Saya mendengar seorang penduduk menceritakan kisah tentang 'Urwah, di mana Nabi SAW memberinya satu dinar untuk membeli seekor kambing untuk beliau. Namun, dengan satu dinar itu, dia membeli dua ekor kambing, lalu menjual satu ekor dengan harga satu dinar. Setelah itu, dia pulang dengan satu dinar dan satu ekor kambing. Nabi SAW mendoakan keberkatan atas transaksi jual belinya. Jika 'Urwah membeli tanah pun, dia pasti akan mendapat keberkatan. (Riwayat al-Bukhari). Hadis tersebut menggambarkan bahawa pada zaman Rasulullah SAW, harga seekor kambing kira-kira setara dengan satu dinar. Kekalkan nilai emas juga dapat dilihat dengan harga seekor kambing pada zaman sekarang yang juga hampir setara dengan RM2,000 atau satu dinar (yang setara dengan nilai 4.25-gram emas).

Kelebihan emas sebagai aset simpanan yang abadi juga dapat diperhatikan dalam konteks moden. Walaupun sistem mata wang fiat telah menggantikan penggunaan emas sebagai alat tukar utama, nilai emas tetap relevan sebagai pelindung nilai terhadap inflasi dan ketidakstabilan ekonomi global. Produk-produk moden seperti GAP dan akaun simpanan emas yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam semakin popular kerana ia membolehkan individu menyimpan emas dalam bentuk digital atau fizikal secara berkala. Dengan cara ini, emas terus menjadi instrumen pelaburan yang selaras dengan prinsip syariah dan keperluan kewangan moden.

Selain itu, emas juga memainkan peranan penting dalam sistem zakat. Zakat emas tidak hanya menjadi tanggungjawab individu tetapi juga membantu menyokong ekonomi ummah melalui pengagihan kekayaan kepada golongan yang memerlukan. Ini menunjukkan bahawa emas bukan sahaja bernilai dari segi material tetapi juga mempunyai dimensi sosial yang mendalam dalam membina masyarakat yang lebih adil dan harmoni.

Oleh itu, emas adalah aset yang tidak hanya relevan dalam sejarah tetapi juga terus memainkan peranan penting dalam kehidupan moden. Nilainya yang kekal stabil dan diiktiraf secara universal menjadikannya alat penyimpan nilai yang unggul, sementara kewajipan zakat ke atasnya menunjukkan bahawa emas juga membawa tanggungjawab rohani dan sosial bagi pemiliknya (Rujukan: Surah At-Taubah ayat 34; Riwayat al-Bukhari).

Sebenarnya, sebelum 15 ogos 1971, wang kertas USD dicetak hanya bersandarkan emas. Ini bermaksud, jika tiada emas, kerajaan USA tidak boleh mencetak wang kertas USD sewenang-wenangnya. Untuk mencetak wang kertas 35 USD, satu troy oz (31.1gram) emas diperlukan. Ini telah membuktikan lagi bahawa emas adalah matawang yang diperakui sejak zaman berzaman (Mohd Zulkilfi, 2018). Semasa perang antara USA dan Vietnam sekitar tahun 1970an, pelarian Vietnam membawa kepingan emas kim thanh sekitar 15-gram dan mendarat di Terengganu, Malaysia. Peristiwa ini sekali lagi membuktikan bahawa emas adalah matawang antarabangsa yang bernilai di seluruh dunia. Pelarian ini kembali dapat memulakan kehidupan mereka dengan emas yang dibawa itu (Mohd Zulkifli, 2023). Dalam beberapa tahun terakhir, pelaburan emas telah menjadi salah satu pilihan pelaburan terbaik bagi individu untuk melindungi kekayaan mereka, terutama dengan timbulnya kebimbangan berkaitan nilai wang kertas yang mungkin mengalami kemerosotan (Nadhirah et al. 2015).

Konsep dan Prinsip Hibah dalam Perspektif Syariah dan Undang-Undang Islam

Hibah merupakan salah satu mekanisme penting dalam undang-undang pentadbiran Islam yang digunakan untuk memindahkan hak milik sesuatu harta kepada individu yang bukan ahli waris. Ia berbeza dengan sistem faraid atau wasiat, kerana hibah dilakukan semasa hayat pemberi tanpa mengharapkan balasan atau imbalan (Rusni & Nor Azdilah, 2020). Menurut Kamarudin et al. (2019), praktis hibah ini telah wujud sejak sebelum kemerdekaan, seperti yang tercermin dalam kes terkenal Kian lawan Som pada tahun 1953, yang menjadi titik tolak pengiktirafan hibah dalam konteks undang-undang sivil dan syariah di Malaysia.

Dalam istilah fiqh, hibah didefinisikan sebagai pemberian hak milik kepada seseorang secara sukarela tanpa sebarang balasan (iwad) ketika pemberi masih hidup. Syeikh Muhammad Zuhaili, dalam kitabnya al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie, menjelaskan bahawa hibah, hadiah, dan sedekah berkongsi maksud yang serupa, iaitu pemindahan hak milik secara sukarela tanpa menuntut apa-apa imbalan (Lihat: al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie, 3/175).

Secara lebih terperinci, hibah adalah suatu akad yang melibatkan pemberian milik oleh seseorang kepada orang lain secara sukarela semasa hayatnya, tanpa syarat atau balasan. Dalam konteks syarak, hibah didefinisikan sebagai akad yang dibuat oleh seseorang untuk memindahkan hak milik sesuatu hartanya kepada pihak penerima secara mutlak (Lihat: al-Fiqh al-Manhaji, 6/115). Pemindahan ini dilakukan tanpa sebarang gantian (iwad) dan tidak memerlukan persetujuan ahli waris lain, kerana hibah adalah perkara yang tidak termasuk dalam harta pusaka.

Menurut pandangan ulama, hibah bertujuan untuk memberikan manfaat kepada penerima, sama ada dalam bentuk harta benda, emas, atau aset lain. Harta yang diberikan melalui hibah boleh digunakan sepenuhnya oleh penerima tanpa sebarang halangan atau tuntutan dari pihak lain, termasuk ahli waris. Oleh itu, harta hibah tidak boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak selepas akad hibah disahkan (Lihat: al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 42/122).

Hibah memainkan peranan penting dalam memastikan pengagihan harta dilakukan dengan cara yang adil dan harmoni. Ia membantu mengelakkan konflik warisan kerana harta yang diberikan melalui hibah tidak lagi menjadi sebahagian daripada harta pusaka yang dikawal oleh hukum faraid. Selain itu, hibah juga membolehkan pemilik harta untuk menyumbangkan sebahagian kekayaannya kepada individu yang dikehendaki, seperti anak-anak, pasangan, atau badan kebajikan, tanpa menunggu proses pewarisan yang mungkin rumit atau memakan masa.

Namun, adalah penting untuk memastikan bahawa hibah dilakukan dengan niat ikhlas dan tanpa unsur riak atau sombong, seperti yang ditekankan dalam sumber-sumber fiqh. Hibah yang dilakukan dengan niat yang benar akan membawa ganjaran pahala di sisi Allah, selaras dengan prinsip kedermawanan dalam Islam.

Walaupun hibah adalah satu amalan yang sah dalam syariah, dokumentasi hibah yang sah dari segi undang-undang adalah sangat penting untuk mengelakkan sebarang pertikaian di masa hadapan. Ini memastikan bahawa hak-hak penerima hibah dilindungi dan tidak timbul isu-isu berkaitan kepemilikan harta selepas pemberian hibah dilaksanakan.

Dengan demikian, hibah adalah mekanisme yang efektif untuk memindahkan hak milik harta secara sukarela semasa hayat pemberi, dengan syarat ia dilakukan mengikut prinsip syariah dan perundangan yang sedia ada. Ia bukan sahaja membantu mengurangkan konflik warisan tetapi juga mempromosikan nilai-nilai keadilan, keikhlasan, dan kedermawanan dalam masyarakat.

Pensyariaan dan Hukum Hibah

Hukum hibah dalam Islam adalah sunat dan sangat digalakkan, terutama kepada ahli keluarga terdekat. Terdapat bukti dari al-Quran, Sunnah, dan ijma' yang menunjukkan galakan untuk berhibah bagi memperkukuhkan tali silaturrahim. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Nisa, 4:

“Kemudian jika mereka dengan suka hati memberikan kepada kamu sebahagian dari maskahwinnya, maka makanlah (gunakanlah) pemberian (yang halal) itu sebagai nikmat yang lazat, lagi baik kesudahannya.”

Syeikh Muhammad Zuhaili menyatakan bahawa jika seorang isteri memberikan (hibah) sebahagian daripada maharnya kepada suaminya, adalah harus bagi suaminya untuk menerimanya. Pemberian tersebut dianggap baik selagi suami meredhainya (rujuk: al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafie, 3/176).

Ijma' para fuqaha' menyepakati bahawa sebarang bentuk hibah adalah disunatkan. Namun, hibah akan menjadi haram jika tujuannya adalah untuk kemaksiatan, membantu kezaliman, atau sebagai rasuah. Selain itu, hibah juga dianggap makruh jika tujuannya adalah untuk riak dan sombong (rujuk: al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah, 42/122).

Pemerhatian Tentang Rukun-Rukun Hibah

Hibah terdiri daripada empat rukun utama, iaitu pemberi hibah (al-wahib), penerima hibah (al-mauhub lahu), harta atau barang yang dihibahkan (al-mauhub), serta penawaran dan penerimaan melalui lafaz ijab dan qabul (sighah) (Azhar et al., 2014). Bagi memastikan akad hibah sah, setiap rukun ini perlu memenuhi syarat-syarat tertentu.

Dalam konteks pemberi hibah, individu tersebut mestilah pemilik sah bagi harta yang ingin dihibahkan (al-mauhub) dan tidak menghadapi sebarang halangan dalam pemilikan atau pengurusannya. Selain itu, al-wahib perlu memenuhi syarat akal yang sempurna, telah mencapai usia baligh, serta mempunyai keupayaan bijak dalam menguruskan harta (rushd). Hibah juga hendaklah dilakukan secara sukarela tanpa sebarang unsur paksaan atau pengaruh luar, kerana sekiranya terdapat unsur paksaan, hibah tersebut dianggap terbatal.

Bagi penerima hibah, syarat sahnya adalah sesiapa sahaja, sama ada Muslim atau bukan Muslim, boleh menerima hibah selagi pemberian tersebut tidak bertentangan dengan prinsip syarak. Penerima juga mesti merupakan seorang mukallaf serta berupaya untuk memiliki dan menguruskan harta hibah tersebut. Sekiranya penerima belum mencapai tahap mukallaf, seperti kanak-kanak yang belum baligh atau individu kurang upaya, hibah boleh diberikan kepada wali atau pemegang amanahnya. Selain itu, penerima mesti wujud semasa akad hibah dilaksanakan (Azhar et al., 2014).

Harta atau barang yang dihibahkan hendaklah memenuhi beberapa syarat bagi memastikan kesahan akad hibah (Azhar et al., 2014):

- a) Harta tersebut mestilah halal.
- b) Mempunyai nilai menurut perspektif syarak.
- c) Dimiliki sepenuhnya oleh pemberi hibah.
- d) Boleh dipindah milik kepada penerima hibah.
- e) Wujud secara fizikal semasa akad hibah dilaksanakan. Harta yang dihibahkan hendaklah dapat diasingkan daripada harta lain yang tidak termasuk dalam hibah. Sekiranya harta tersebut merupakan barang bercagar, ia hanya boleh dihibahkan dengan keizinan daripada pihak pengadai atau peminjam.

Sighah hibah pula merujuk kepada lafaz atau perbuatan yang menunjukkan pemberian serta penerimaan hibah. Bagi memastikan sahnya sighah hibah, ia perlu memenuhi syarat-syarat berikut (Azhar et al., 2014):

- a) Ijab dan qabul hendaklah berlaku dalam satu kesinambungan dan tidak terputus antara satu sama lain.
- b) Akad hibah tidak boleh disertakan dengan sebarang syarat tertentu.
- c) Akad hibah tidak boleh ditentukan untuk tempoh masa tertentu. Dalam kes hibah 'Umra' dan 'Ruqba', hibah tersebut tetap sah, namun syarat berkenaan tempoh masa dianggap terbatal.

Selain sighah, konsep penerimaan dalam hibah juga dikenali sebagai al-Qabd. Secara khusus, al-Qabd membawa maksud penerimaan sesuatu harta, penguasaan terhadapnya serta keupayaan untuk melakukan tasarruf (pengurusan) ke atas harta tersebut. Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan pandangan dalam kalangan mazhab mengenai keperluan penerimaan sebagai syarat sah hibah (Azhar et al., 2014).

Terdapat dua pandangan utama mengenai syarat penerimaan dalam hibah. Pertama, Mazhab Hanbali dan Maliki berpendapat bahawa akad hibah sudah mencukupi tanpa memerlukan penerimaan secara fizikal. Oleh itu, sekiranya pemberi hibah meninggal dunia sebelum penyerahan harta dilakukan, hibah tersebut tetap dianggap sah. Kedua, Mazhab Hanafi dan Syafie pula menetapkan bahawa penerimaan merupakan syarat sah bagi sesuatu hibah. Jika pemberi hibah meninggal dunia sebelum harta diserahkan, hibah dianggap terbatal. Berdasarkan pandangan Mazhab Syafie, al-Qabd adalah syarat luzum (wajib), di mana akad

hibah tidak akan sempurna dan tidak boleh dikuatkuasakan hanya dengan ijab dan qabul semata-mata kecuali setelah penerimaan harta secara fizikal berlaku (Azhar et al., 2014).

Pelaksanaan al-Qabd bergantung kepada jenis harta yang dihibahkan, sama ada harta tidak alih atau harta alih. Bagi harta tidak alih, al-Qabd dapat direalisasikan melalui tindakan mengosongkan harta, menguasainya serta melakukan tasarruf, seperti menyerahkan kunci rumah kepada penerima hibah. Manakala bagi harta alih, al-Qabd berlaku apabila harta tersebut dipindahkan atau diasingkan daripada harta lain yang tidak termasuk dalam hibah (Azhar et al., 2014).

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan meneroka sorotan literatur berkaitan dengan hibah emas dalam konteks syariah. Sorotan literatur diperolehi daripada buku, kertas kerja, makalah jurnal, keratan akhbar, laman sesawang dan kajian penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan emas dan hibah. Ia melibatkan penelitian terperinci terhadap hukum syariah yang berkaitan dengan hibah emas dan analisis terhadap prinsip-prinsip syariah yang perlu dipatuhi dalam prosedur hibah emas serta menurut perundangan di Malaysia. Data yang diperolehi dianalisis secara analisis kandungan (*content analysis*).

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Amalan Hibah Di Malaysia

Secara pratikal, emas boleh diagihkan melalui dua jenis hibah iaitu Hibah Biasa atau Hibah Mutlak dan Hibah Amanah atau Pri Hibah.

Hibah Biasa (Mutlak)

Hibah ini merujuk kepada pemberian harta secara langsung melalui hibah. Pemindahan kepemilikan harta hibah kepada penerima dilakukan dengan segera dan semasa hayat pemberi hibah tanpa balasan. Dilakukan secara langsung antara pemberi hibah (al-wahib) dan penerima hibah (al-mauhub lahu) tanpa memerlukan perantara. Harta yang dihibahkan ini tidak lagi menjadi milik pemberi hibah. Dalam konteks simpanan emas, emas fizikal seperti jongkong dan dinar milik penyimpan emas yang jelas pemilikannya, boleh dihibahkan melalui hibah mutlak kepada penerima agar tiada pertikaian dikemudian hari. Pemindahan milik berlaku dengan rela hati dan tanpa syarat tertentu

Hibah Amanah (Pri-Hibah)

Pri-Hibah juga disebut sebagai Deklarasi Hibah (Azhar, 2018). Ia bermaksud hibah yang diiktiraf dari segi syariah tetapi pertukaran hak milik secara sah dibuat selepas berlaku perkara-perkara atau syarat-syarat yang telah ditetapkan (*triggering events*) dalam Deklarasi Hibah. Di dalam Pri-Hibah, pemilik harta akan menyerahkan harta yang ingin dihibahkannya kepada Pemegang Amanah. Sekiranya pemilik harta meninggal dunia, harta tersebut tidak perlu difaraidkan dan boleh diserahkan terus kepada benefisiari yang dikehendaknya seperti yang termaktub di dalam Deklarasi Hibah. Dalam konteks penyimpanan emas dalam akaun masa kini seperti Akaun Emas GAP Public Gold, juga boleh dimasukkan dalam dokumen hibah sekiranya pemilikannya jelas dan ada pihak yang berautoriti daripada Public Gold untuk mengesahkan pemilikan, lebih mudah ditadbir dan dituntut oleh penerima hibah.

Pri-Hibah melibatkan proses dokumentasi perundangan dengan pemegang Amanah berdaftar yang dilantik seperti Amanah Raya Berhad, Syarikat As-Salihin Trustee Bhd dan Institusi perbankan Islam. Antara servis yang ditawarkan oleh institusi ini adalah menyediakan hibah aset emas dalam perancangan harta dan menawarkan skim hibah emas melalui akaun emas. Hibah amanah ini melibatkan syarat di mana pemberi hibah menetapkan bahawa pemindahan harta kepada penerima hibah hanya akan dilakukan selepas beliau meninggal dunia. Untuk melaksanakan pemindahan hak milik harta hibah kepada penerima, diperlukan penamaan seorang pemegang amanah. Contohnya, pemilikan emas akan dialihkan kepada anak perempuan setelah kematian bapanya. Seluruh proses pemindahan milik akan diuruskan sepenuhnya oleh pemegang amanah yang bertindak bagi pihak bapa. Pendekatan ini sebenarnya dapat membantu menyelesaikan pelbagai masalah berkaitan dengan harta pusaka. Kebanyakan masalah warisan seringkali tidak dapat diselesaikan dengan cepat kerana faktor kewangan, kekurangan pengetahuan dalam pengurusan harta pusaka, dan juga pertikaian di kalangan waris.

Hibah Amanah boleh berlaku secara sehala atau dua hala. Sehala bermaksud harta hibah akan jadi pusaka sipenerima hibah jika penerima meninggal dahulu daripada pemberi hibah. Dua hala pula bermaksud harta hibah akan berbalik semula kepada pemilik harta hibah jika penerima meninggal dahulu daripada pemberi hibah. Hibah dua hala ini lebih dipraktikkan sekiranya hibah bukan waris faraid kepada pemberi hibah. Contoh pemberian kepada anak tiri, anak angkat dan anak susuan.

Kepentingan Dokumen Hibah

Realiti pelaksanaan konsep hibah di Malaysia ialah melibatkan dokumen hibah. Aset emas boleh dijadikan harta untuk dihibahkan sebagai pelindung kekayaan berpanjangan kepada pemberi hibah dan penerima hibah. Emas fizikal juga dilihat sebagai aset alih yang lebih mudah kekal bernilai tinggi untuk diuruskan tanpa melibatkan kos yang tinggi dalam urusan pentadbiran harta pusaka kepada waris atau penerima hibah berbanding hartanah. Penggalakan kepada penghibah untuk menjalani proses dokumentasi hibah semasa hayatnya adalah suatu langkah penting. Dokumentasi ini berperanan untuk memastikan bahawa harta yang diberikan kepada orang yang dihargai akan diterima tanpa diperdebatkan oleh pihak waris lainnya.

Syarikat As-Salihin Trustee Bhd (ASTB) (www.as-salihin.com) merupakan salah satu syarikat amanah di Malaysia yang dibentuk di bawah Akta Syarikat 2016 dan didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949. Tujuan penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan umat Islam bagi memelihara, melindungi dan mengagih harta berdasarkan prinsip Syariah. Syarikat As-Salihin Trustee Bhd turut menawarkan Pri Hibah dalam senarai produk hibah kepada pelanggan. Dalam praktik masa kini, ijab dan qabul umumnya dijalankan dalam bentuk bertulis, disertai dengan tanda tangan kedua-dua pihak yang terlibat (penghibah dan penerima), dan disaksikan oleh dua orang saksi. Ini menandakan perubahan dari cara hibah dilakukan pada zaman dahulu, di mana seringkali ijab dan qabul hanya berpandukan kata-kata lisan. Perubahan ini dapat mengelakkan cabaran dalam pembuktian di mahkamah jika timbul tuntutan atau penafian terhadapnya. Manfaat lain yang dijelaskan oleh Azhar (2018) kenapa pentingnya mempunyai dokumen hibah ialah:

- a) Waris tidak mempunyai hak untuk mempertikai harta yang telah dihibahkan.
- b) Walaupun dokumen disiapkan semasa hayat, hakmilik hanya dipindahkan selepas kematian.
- c) Harta boleh diberikan kepada penerima yang bukan waris tanpa risiko tuntutan.
- d) Hibah mengeluarkan harta dari harta pusaka.

- e) Pewarisan harta menjadi lebih teliti dan mudah difahami.
f) Proses pemindahan hakmilik menjadi lebih terbuka dan mudah difahami.

Amalan ini memberikan impak yang memberangsangkan, terutamanya bagi orang Islam yang ingin menyumbangkan harta mereka dengan mengikuti aturan sendiri. Walaubagaimanapun, setiap transaksi dalam konteks muamalah Islam melibatkan unsur-unsur dan syarat-syarat yang harus diikuti dengan teliti, termasuklah hibah sebagai mekanisme dalam pengurusan harta Islam. Kontrak hibah dianggap sah apabila semua unsur-unsur dan syarat-syaratnya selaras dengan prinsip-prinsip hukum syara'




Diagram: Pengoperasian Hibah Emas Dengan Mengambil Kira Pengamalan Hibah Secara Keseluruhan.

Diagram di atas menjelaskan bagaimana hibah aset emas boleh berfungsi menurut syariah dan dalam konteks perundangan di Malaysia. Secara keseluruhan, diagram di atas memaparkan tiga situasi yang berbeza untuk pemberi hibah emas melaksanakan pemberian mereka. Proses hibah emas yang dilaksanakan tidak jauh berbeza dengan proses hibah melibatkan aset kategori lain. Pemberian hibah emas melibatkan jumlah gram yang besar dan bilangan ketulan yang banyak adalah sebaiknya sistematik menerusi saluran pemegang amanah berdaftar (PAB). Emas pelaburan yang hendak dihibahkan khususnya lebih sesuai melalui proses perekodan yang sistematik lebih-lebih lagi jika si pemberi hibah itu mempunyai waris-warisan yang ramai. Ini dapat mengelakkan konflik perebutan antara waris-warisan yang berpotensi. Walaubagaimanapun untuk sesetengah pemberi hibah emas, mereka akan merasakan proses pendaftaran hibah melalui PAB adalah rumit, memakan masa dan kos. Sementelah mereka juga terikat untuk membelanjakan kos tambahan untuk membuat wasiat terlebih dahulu dengan melantik PAB sebagai pengurus amanah bagi harta pewarisan secara keseluruhan.

Kelebihan Menghibahkan Aset Emas

Umat Islam kini sudah mula mempraktikkan pemberian hibah aset emas fizikal kepada orang tersayang, sama ada ahli waris atau bukan ahli waris. Contohnya, seorang ayah memberikan emas kepada anak bongsunya semasa hayatnya, atau seorang ibu menghadiahkan jongkong emas kepada anak angkatnya. Begitu juga, seorang datuk mungkin memberikan jongkong-jongkong emas kepada cucunya yang tidak menerima harta pusaka kerana dilindungi oleh ahli waris lain (Great Eastern Takaful, n.d.). Hibah merupakan suatu pemberian, iaitu al-'atiyyah, yang berkaitan dengan benda atau selainnya (AIA Malaysia, 2023).

Terdapat beberapa kelebihan dalam menghibahkan emas. Pertama, aset emas yang dihibahkan tidak dianggap sebagai harta pusaka penghibah; oleh itu, ia terkeluar daripada undang-undang pembahagian faraid (Prudential BSN Takaful, n.d.). Ini membolehkan penghibah membuat pembahagian sama rata kepada anak-anak tanpa perlu mengikut nisbah yang telah ditetapkan dalam faraid. Kedua, penghibah mempunyai kuasa untuk membatalkan hibah jika berlaku keadaan yang memerlukan tindakan sedemikian (Great Eastern Takaful, n.d.). Ketiga, penghibah boleh memastikan benefisiari terpelihara ketika beliau dalam keadaan tidak berupaya, bukan hanya selepas kematian. Ini penting untuk melindungi kebajikan penerima hibah, terutamanya jika mereka berada dalam situasi yang memerlukan sokongan kewangan segera.

Keempat, penghibah masih boleh menerima manfaat daripada aset emas semasa hayatnya, seperti menjadikan emas tersebut sebagai jaminan pinjaman atau pelaburan tambahan untuk memperoleh pendapatan pasif. Kelima, penghibah boleh melantik seseorang sebagai penjaga hak benefisiari yang belum dewasa, memastikan bahawa harta hibah dikelola dengan baik sehingga penerima mencapai usia dewasa. Ini adalah langkah penting untuk melindungi kepentingan penerima hibah yang mungkin belum cukup umur atau tidak mampu mengurus harta tersebut sendiri.

Akhir sekali, emas lebih mudah dicairkan, tiada kos pertukaran hak milik, dan lebih mudah dibahagikan kepada penerima hibah berbanding aset lain seperti hartanah (Majalah Labur, 2020). Kelebihan ini menjadikan emas sebagai pilihan praktikal bagi mereka yang ingin memastikan pengagihan harta dilakukan dengan cepat dan efisien. Selain itu, emas juga mempunyai nilai yang stabil dan diiktiraf secara global, menjadikannya aset yang sesuai untuk dihibahkan kepada generasi akan datang tanpa risiko kehilangan nilai yang signifikan. Dengan sifatnya yang fleksibel dan stabil, emas menjadi instrumen yang ideal untuk digunakan dalam amalan hibah, memenuhi keperluan pelbagai pihak dalam konteks kekeluargaan dan perancangan kewangan.

Oleh itu, hibah dalam konteks aset emas bukan sahaja membantu mengelakkan konflik warisan tetapi juga memastikan bahawa harta tersebut dapat disalurkan kepada penerima yang layak dengan cara yang adil dan bermakna. Dengan meningkatkan kesedaran tentang kelebihan hibah emas, masyarakat diharapkan dapat memanfaatkannya sebagai salah satu mekanisme untuk memperkukuh hubungan keluarga dan memastikan kesejahteraan generasi akan datang (Great Eastern Takaful, n.d.).

Cabaran dalam Pelaksanaan Amalan Hibah Bagi Aset Emas di Malaysia

Hibah emas semakin diterima sebagai salah satu kaedah perancangan harta yang patuh syariah di Malaysia. Namun, terdapat beberapa cabaran utama yang perlu diberi perhatian oleh pemberi hibah (al-wahib) dan penerima hibah (al-mauhub lahu).

Isu Dokumentasi dalam Hibah

Hibah secara lisan boleh menimbulkan pertikaian sekiranya tiada bukti sah yang mengesahkan pemindahan hak milik. Dalam perundangan Islam, hibah dianggap sebagai akad sukarela, tetapi ia boleh dipertikai sekiranya waris lain tidak mengiktiraf pemberian tersebut. Mazhab Syafie, misalnya, meletakkan al-Qabd sebagai syarat luzum, iaitu pemindahan milikan secara fizikal perlu berlaku bagi memastikan hibah menjadi sah (Nor Muhamad, 2009). Jika pemberi hibah meninggal dunia sebelum proses penyerahan dilakukan, hibah boleh terbatal dan harta akan dikembalikan ke dalam pembahagian pusaka secara faraid.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan kes pertikaian hibah berlaku apabila tiada bukti bertulis atau saksi yang sah, terutamanya dalam kes hibah lisan melibatkan aset bernilai tinggi (Nor Muhamad, 2009; Azhar et al., 2014; Abdullah et al., 2021). Oleh itu, pengesahan melalui dokumen bertulis, saksi, atau perjanjian yang sah di sisi undang-undang amat penting bagi mengelakkan sebarang pertikaian di mahkamah.

Perbezaan Pandangan Fiqh Mengenai al-Qabd

Dalam mazhab Syafie, al-Qabd (pemindahan fizikal hak milik) merupakan syarat penting bagi kesahihan hibah. Tanpa al-Qabd, akad hibah hanya dianggap sebagai janji semata-mata dan tidak boleh dikuatkuasakan secara syarak (Nor Muhamad, 2009; Abdullah et al., 2021). Ini menimbulkan cabaran apabila hibah melibatkan aset seperti emas yang disimpan dalam bentuk digital, akaun pelaburan, atau institusi kewangan Islam.

Dalam konteks ini, pemilik emas biasanya hanya memiliki hak ke atas emas tersebut secara konsep tanpa menyentuh atau memiliki emas secara fizikal, sebagaimana dalam skim akaun emas yang ditawarkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia (Azhar et al., 2014). Menurut pandangan mazhab Syafie, jika penerima tidak melakukan qabd secara fizikal atau simbolik, hibah tersebut tidak sah. Sebaliknya, mazhab Hanbali dan Maliki lebih fleksibel kerana membenarkan hibah tanpa al-Qabd selagi ijab dan qabul telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak (Abdullah et al., 2021).

Pematuhan Syariah dalam Institusi Kewangan

Beberapa institusi kewangan di Malaysia hanya membenarkan jongkong emas dan dinar untuk dihibahkan, tetapi tidak emas perhiasan (Alias et al., 2014). Ini kerana emas perhiasan sering digunakan untuk pemakaian peribadi, dan dalam beberapa keadaan, statusnya sebagai aset pelaburan masih diperdebatkan dari sudut syariah.

Menurut peraturan beberapa institusi kewangan Islam, emas yang dihibahkan perlu memenuhi syarat berikut:

- i. Emas dalam bentuk jongkong atau dinar – Dianggap lebih stabil sebagai aset dan mempunyai nilai tetap.
- ii. Ada bukti pemilikan seperti invois – Membantu mengesahkan pemindahan hak milik secara sah.
- iii. Tidak bercagar atau dijadikan gadaian – Jika emas masih dalam hutang atau cagaran, ia tidak boleh dihibahkan.

Ini bermakna, sekiranya seseorang ingin menghibahkan rantai, gelang, atau cincin emas, terdapat institusi yang tidak membenarkannya atas dasar ketidakpastian dalam pemilikan dan tujuan penggunaan. Oleh itu, pemilik emas perlu memastikan jenis emas yang ingin dihibahkan diterima oleh institusi kewangan sebelum membuat keputusan.

Kesimpulan

Amalan hibah semakin mendapat perhatian dalam kalangan masyarakat sebagai alternatif dalam proses pewarisan harta sebelum penasaban faraid. Dengan meningkatkan penggunaan hibah, potensi untuk mengurangkan konflik dalam pengagihan harta dapat dicapai, khususnya dalam konteks masyarakat yang sedang beralih kepada pengagihan kekayaan dalam bentuk emas. Kajian ini menunjukkan bahawa hibah boleh membantu menyelesaikan perselisihan yang biasa timbul apabila harta menjadi pusaka, sekali gus menjadikan proses pewarisan lebih teratur dan terjamin.

Penemuan kajian menunjukkan bahawa hibah dalam konteks aset emas boleh diaplikasikan bersamaan dengan amalan hibah lain tanpa mengabaikan prinsip faraid dan wakaf. Ini mengindikasikan bahawa terdapat ruang untuk inovasi dalam amalan pewarisan harta dalam Islam. Namun, cabaran yang timbul dari segi persetujuan masyarakat untuk menyerahkan pemilikan emas lebih awal memerlukan perhatian serius. Dokumentasi yang sah dan proses transparan dalam hibah akan memastikan bahawa hak pemilik dan penerima terpelihara.

Oleh kerana kajian ini berada pada peringkat awal, penting untuk melanjutkan penyelidikan di lapangan agar dapat memahami dan menangani isu-isu praktikal yang dihadapi oleh masyarakat. Dengan mengumpulkan data secara langsung, hasil kajian dapat diperkayakan dan diterapkan dengan lebih berkesan. Ini bukan sahaja akan memperluas pemahaman tentang hibah dalam konteks pengagihan kekayaan emas, tetapi juga memberi panduan kepada masyarakat untuk mengamalkan dengan bijak, yang akhirnya dapat mengurangkan konflik pewarisan dan mempromosikan keharmonian dalam pengagihan harta.

Penghargaan

Setinggi tinggi penghargaan diucapkan kepada Jawatankuasa Penyelidikan Negeri Kedah, UiTM Cawangan Kedah atas sokongan dan pembiayaan yang amat bermakna melalui Tabung Penyelidikan Am. Sumbangan ini telah menjadi pemangkin utama untuk memastikan kejayaan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdul Rashid, R., & Yaakub, N. I. (2010). Hibah: Isu Pindah Milik dan Pembatalan Hibah Hartanah di Bawah Kanun Tanah Negara. *Syariah Law Reports*, 1, 14–29.
- Abdullah, N. A., Mohamed Said, N. L., Muda, M. Z., & Nor Muhammad, N. H. (2021). Aplikasi Qabd dalam Hibah: Pandangan Fuqaha dan Pengamalan dalam Perundangan di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*, 6 (2), 12–21. e-ISSN 0127-788X.
- Alias, M. A., Ahmad, N. H., & Rahman, A. A. (2014). Hibah emas dalam perspektif syariah: Analisis terhadap amalan institusi kewangan Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan Kewangan Islam*, 8(2), 45-60.
- Azhar, A., Hussain, M. A., Badarulzaman, M. H., & Noor, F. M. (2014). Pengurusan harta dalam Islam: Perspektif hibah di Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 3, 115–128.
- Azhar, A. (2018). Amalan hibah di syarikat amanah: Satu kajian kes di As-Salihin Trustee Berhad. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 5 (1). e-ISSN 2289-8042.
- Awan, T.M., Khan, M.S., Haq, I.U. & Kazmi, S. (2021). Oil and stock markets volatility during pandemic times: A review of G7 countries. *Green Finance* 3(1): 15-27.
- Great Eastern Takaful. (n.d.). Apa itu hibah dan 4 manfaat hibah Takaful. <https://www.greateastertakaful.com>

<https://www.lbma.org.uk/alchemist/issue-50/trends-in-the-japanese-precious-metals-market>.

Diakses pada 28 April 2025.

<https://publicgoldofficial.com/rohayatihussin/gap>. Diakses pada 27 April 2025.

Kamarudin, M. K., Zaman, N., & Razak, R. M. (2019). Thematic Analysis on the necessity of Hibah law in Malaysia: Analisis tema terhadap keperluan Undang-Undang Hibah di Malaysia. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 16(1), 1–13. Retrieved from <http://al-qanatir.com/aq/article/view/217>

Majalah Labur. (2020, Julai 20). Pelaburan Emas, Sesuai Untuk Anda Atau Tidak?. <https://www.majalahlabur.com>

Nor Muhamad, N. H. (2009). Elemen Qabd (pindahan milikan) dalam hibah: Analisis terhadap keperluan dan pelaksanaannya mengikut perspektif undang-undang Islam. *Jurnal Syariah*, 17 (2), 243–266.

Mohd Zulkifli, S. (2023). Wang emas: Bertahan ketika gawat. *Galeri Ilmu*.

Muhamad Zuhaili, S. (2023). Application of Qabd in Contemporary Issues Involving Gold Buying Transactions. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 30 (2), 12–24.

Mukhuti, S. (2017). Impact of gold price on stock market return – An econometric analysis of BSE and NSE. *International Journal of Management Studies* 2(7): 2231-2528.

Nadhirah, N., Rahimah, E., Siti Khatijah, I., Kasimah, K., & Zainun, M. (2015). Pelaburan emas dalam kalangan muslim profesional di Kuala Terengganu. *Proceedings of the UniSZA Research Conference 2015 (URC '15)*, 14–16 April 2015, Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).

Raza, N., Shahzad, S.J.H., Tiwari, A.K. & Shahbaz, M. 2016. Asymmetric impact of gold, oil prices and their volatilities on stock prices of emerging markets. *Resources Policy* 49: 290-301.

Rusni Hassan, & Nor Azdilah Mohamad Zaizi. (2020). The Concept and Application of Hibah as a Financial Instrument from the Malaysian Legal Perspective: An Analysis. *IIUM Law Journal*, 28(1), 227–252. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v28i1.498>.

Yaacob, S. E. (2009). Sejarah Dinar Emas dan Kronologi Pertukaran Mata Wang Dunia. *Journal of Al-Tamaddun*, 4(1), 107–127. Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8340>

Yousaf, I., Bouri, E., Ali, S. & Azoury, N. (2021). Gold against Asian stock markets during the COVID-19 outbreak. *Journal of Risk and Financial Management* 14: 186-208.